

OSMOLAX SOLUTION (LACTULOSE ORAL USP 0.67G/ML)

Lactulose USP 0.67g/ml

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Osmolax Solution*
2. Bagaimana *Osmolax Solution* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Osmolax Solution*
4. Cara menggunakan *Osmolax Solution*
5. Semasa menggunakan *Osmolax Solution*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Osmolax Solution*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Osmolax Solution*

- Sembelit (pergerakan usus yang tidak selalu, najis yang kering dan keras): pengawalan irama fisiologi kolon
- Apabila najis lembut dianggap sebagai manfaat perubatan (penyakit bowasir, selepas pembedahan kolon/dubur)
- *Hepatic Encephalopathy* (HE) (penyakit hati yang menyebabkan keliruan, gegaran, tahap kesedaran yang merosot): rawatan dan pencegahan koma hepatic

Bagaimana *Osmolax Solution* berfungsi

Osmolax Solution mengandungi *lactulose*, sejenis julap yang menyebabkan penghasilan najis yang lembut dan merangsang pembuangan najis.

Sebelum mengambil *Osmolax Solution*

- *Bila tidak boleh mengambil*

- Sekiranya anda mempunyai hipersensitiviti (alergi) terhadap *lactulose* dan sebarang kandungan dalam *Osmolax Solution*
- Sekiranya anda mengalami symptom sakit perut, muntah dan demam.
- Sekiranya anda mempunyai intoleransi laktosa

Kehamilan dan menyusukan anak

Jika terapi julap diperlukan semasa kehamilan, penggunaan ubat ini dalam dos yang disyorkan boleh diterima.

- *Sebelum mula mengambilnya*

Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap sesetengah gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil *Osmolax Solution*.

Jika anda telah mengalami sembelit untuk tempoh yang lama, anda harus berjumpa doktor dan periksa diri anda sebelum memulakan rawatan dengan *Osmolax Solution* kerana gangguan kronik pergerakan usus mungkin merupakan tanda penyakit yang lebih serius.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan *Osmolax Solution*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh mengambil *Osmolax solution* dengan terus ataupun dicairkan. Sekali telan dos *lactulose* dan jangan biar lama di dalam mulut.

Sembelit

Orang dewasa dan remaja: Bermula dengan 15-45 ml setiap hari. Dos boleh diubahsuai kepada 15-30ml setiap hari.

Kanak-kanak 7 -14 tahun: Bermula dengan 15ml setiap hari. Dos boleh diubahsuai kepada 5-10ml setiap hari.

Kanak-kanak 1-6 tahun: Dos yang biasa digunakan ialah 5-10ml sehari.

Bayi kurang daripada 1 tahun: Dos yang biasa digunakan tidak melebihi 5ml setiap hari.

Ensefalopati hepatic

Dewasa: Dos permulaan yang biasa digunakan ialah 30-45 ml 3-4 kali sehari.

- *Bila perlu digunakan*

Osmolax Solution perlu diambil selepas makan utama. Dalam kes di mana satu dos mencukupi untuk berjaya merawat sembelit, dos ini perlu diambil pada waktu pagi selepas sarapan pagi.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Tempoh terapi bergantung kepada perkembangan gambaran klinikal.

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda, jika anda mempunyai tanggapan bahawa kesan *Osmolax* adalah sama ada terlalu kuat atau terlalu lemah.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa mengambil dos *Osmolax*, teruskan dengan rawatan anda seperti yang disyorkan, tanpa meningkatkan dos mengikut kehendak anda sendiri.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda mengambil terlalu banyak *Osmolax*, loya, muntah, cirit-birit, penyahhidratan dan kehilangan elektrolit mungkin berlaku, yang mesti diperbetulkan dengan terapi berasaskan ubat jika perlu.

Sekiranya berlaku terlebih dos, sila beritahu doktor anda jika gejala tersebut berlaku.

Semasa menggunakan *Osmolax Solution*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Sentiasa ambil ubat ini betul-betul seperti yang doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan gunakan *Osmolax* selepas tarikh luput yang dinyatakan pada label dan karton luar.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap beberapa gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil *Osmolax*.

Kesan-kesan sampingan

Pada dos yang sederhana, sakit perut ringan, angin terperangkap atau kembung perut mungkin berlaku pada permulaan rawatan. Pada dos yang tinggi, loya, muntah dan cirit-birit dengan ketidakseimbangan elektrolit juga mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan
*Osmolax Solution***

- Penyimpanan

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair berperisa pekat yang jernih, tidak berwarna hingga kuning-perang, diisi dan dimeterai dalam botol PET warna kuning ambar dengan penutup warna putih bercetak SQUARE.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Lactulose Concentrate Solution

- Bahan tidak aktif:
Orange Tetarome 987431 Essence,
Lemon Tetarome 987317,

- Nombor MAL

MAL24066035XZ

Pengilang

SQUARE PHARMACEUTICALS PLC.
Square Road, Salgaria,
Pabna 6600, Bangladesh.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

26/06/2024

Nombor Siri

NPRA (R2) 23/207